

# UniMAP Terima Sembilan Pengiktirafan Tinggi Penyelidikan Di Korea



Beberapa kakitangan akademik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengharumkan nama Malaysia apabila meraih sembilan pengiktirafan tertinggi bidang penyelidikan pada 2<sup>nd</sup> World Inventor Order Festival (WIAF) di Seoul, Korea Selatan. Mendahului senarai pengiktirafan ialah Naib Canselor UniMAP sendiri iaitu Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin yang dinobatkan penerima *Merit of Commandeur* yang merupakan

pengiktirafan dan anugerah tertinggi yang dianugerahkan oleh Belgian Chamber of Inventors (BCI) dengan kerjasama Korea Invention News (KINEWS). Turut menerima pengiktirafan dari BCI ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Mohd. Mustafa Al Bakri Abdullah.

Pengiktirafan tertinggi tersebut diberikan atas sumbangan dan penglibatan menyeluruh kedua-duanya dalam memartabatkan bidang penyelidikan, penerbitan dan inovasi bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia termasuk memartabatkan penyelidikan dalam kalangan penyelidik muda ke peringkat lebih tinggi.

Selain pengiktirafan dari BCI, UniMAP turut mengungguli anugerah utama WIAF 2013 apabila Timbalan Dekan Pengurusan Akademik, Dr. Hakimah Osman dianugerahkan anugerah *King Sejong Inventor Order of Merit* di atas pencapaian cemerlang dalam pertandingan dan pameran penyelidikan yang disertai sepanjang tahun ini. Selain anugerah utama tersebut, Dr. Hakimah turut menerima anugerah *Invention for Women Order of Merit* dan *Material Invention Invention Order of Merit*. Dr. Hakimah turut menerima anugerah *Green Invention Order of Merit* bersama-sama Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah Pengarah Unit Media yang merupakan pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses. Dr. Zainab turut menerima pengiktirafan individu menerusi anugerah *Chemistry Invention Order of Merit*.

UniMAP juga dinobatkan sebagai pemenang anugerah *Qatar Special Award on Green Material* menerusi Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, Tunku Mohd. Nizar Tunku Mansur. Selain itu, beliau turut menerima anugerah *Electrical Invention Order of Merit* dan *Electronics Invention Order of Merit*.